

PANDUAN MENGGUNA SISTEM PUNGUTAN AGENSI LUAR (SPAL)

1. MAYBANK BERHAD

INTERNET


1.1 Mendaftar di dalam Maybank2u.com

- 1.1.1 Pergi ke mana-mana mesin ATM Maybank atau Mayban Finance
- 1.1.2 Pilih Maybank2u Services di menu utama
- 1.1.3 Pilih Maybank2u Application.
- 1.1.4 Masukkan 6 angka nombor PIN Maybank2u.com
- 1.1.5 Masukkan sekali lagi nombor PIN Maybank2u.com untuk pengesahan. Sebagai langkah keselamatan, nombor PIN tidak akan dicetak ke atas resit.
- 1.1.6 Setelah mendapatkan nombor PIN dari mesin ATM, layari laman web Maybank2u.com di www.maybank2u.com
- 1.1.7 Pilih ikon First Time Login di laman web. Menu terma dan syarat-syarat akan dipaparkan. Pastikan syarat-syarat dibaca dengan teliti sebelum menekan butang Accept yang terdapat di bawah paparan tema dan syarat-syarat pendaftaran




- 1.1.8 Menu selamat datang akan dipaparkan. Pada paparan menu tersebut, masukkan nombor kad ATM Maybank di medan Access Number.

Kad ATM adalah kad yang digunakan untuk memohon nombor PIN Maybank2u.com. Masukkan 6 digit nombor PIN Maybank2u.com sebelum menekan butang Activate



- 1.1.9 Skrin login yang baru akan dipaparkan. Masukkan nama pengguna dan kod laluan pilihan di medan Username dan Password. Masukkan kata laluan sekali lagi untuk pengesahan sebelum menekan butang Confirm. Pastikan nama dan kata laluan tersebut digunakan pada masa hadapan.



- 1.1.10 Skrin borang maklumat peribadi akan dipaparkan. Lengkapkan maklumat didalam borang tersebut. Kemudian klik butang Submit untuk menghantar maklumat secara online.


1.2 Membuat bayaran kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui Internet


- 1.2.1 Layari laman web Maybank2u.com di www.maybank2u.com. Klik ikon *Login*. Masukkan nama pengguna dan kod laluan di medan yang berkenaan sebelum menekan butang login
- 1.2.2 Klik ikon *Accounts & Banking*. Seterusnya klik *Bill Payment* dan kemudian *Make a one-off payment* sebagaimana paparan berikut:



- 1.2.3 Klik *Education & Education Loans** dan seterusnya pilih *Majlis Amanah Rakyat (MARA)*.


*Semua jenis pinjaman MARA (pinjaman pelajaran/pendahuluan/usahawan dll) diletakkan di bawah kategori *Education & Education Loans*.





- 1.2.4 Masukkan Amaun (*Amount*), **Nombor Akaun MARA (MARA Account No.)***, Tarikh bayaran hendak dibuat (*Effective Date*) dan Nombor Kad Pengenalan (*IC No.*) dalam medan yang berkenaan. Tekan butang *Continue* untuk langkah seterusnya.


***Nombor Akaun MARA** adalah **12 digit nombor akaun pinjaman dengan MARA** yang bermula sama ada digit 33/34/35/60/61/63/69/82/89/90/91/94/95/96/97/98/99 (rujuk contoh di bawah) bergantung kepada jenis pinjaman dengan MARA. Sebagai contoh, bagi pinjaman pelajaran Nombor Akaun MARA bermula dari digit 33 dan diikuti 10 digit nombor seterusnya, bagi pembiayaan usahawan Nombor Akaun MARA bermula dari digit 60 dan diikuti 10 digit nombor seterusnya.



- 1.2.5 Pada paparan menu berikutnya, semak semua maklumat adalah betul. Setelah memastikan semuanya betul, tekan butang *Confirm* untuk mengesahkan bayaran yang dibuat.

- 1.2.6 Setelah selesai, klik ikon **Log Out** untuk keluar dari laman web.

- 1.3.3 Masukkan amaun yang hendak dibayar setiap bulan, No Akaun MARA, No Kad Pengenalan dan Tarikh mula dan akhir bayaran yang hendak dibuat.




PERBANKAN INTERNET MELALUI TELEFON MUDAH ALIH (M2U MOBILE)

2.1. Mendaftar sebagai pengguna M2U Mobile


- 2.1.1. Daftar di Maybank2u.com atau pergi ke ATM Kawanku.
 2.1.2. Muat turun M2U Mobile dari sms yang diterima.
 2.1.3. Short form penggunaan M2U Mobile adalah seperti berikut :-

Simbol atau Perkataan	Keterangan
Cr atau +	Kredit - Kemasukan wang atau dipindahkan ke Akaun Pelanggan
Dr atau -	Debit – Pengeluaran wang atau pindahan dari Akaun Pelanggan
Tranx	Transaksi
Desc	Keterangan bayaran




- 2.1.4. Pilih menu Continue.

2.1.5. Skrin pendaftaran M2U Mobile akan dipaparkan. Masukkan 6 digit Activation Key.



2.1.6. Pilih menu Activate


2.1.7. Skrin berikutnya akan dipaparkan. Masukkan katalaluan bagi kemasukan ke M2U Mobile iaitu 8 – 12 digit. Pastikan nama dan kata laluan tersebut digunakan pada masa hadapan.




2.1.8. Pilih menu Activate

2.2. Membuat bayaran kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui M2U Mobile

2.2.1. Pilih menu Bill Payment dan pilih menu Go.




- 2.2.2. Seterusnya pilih menu Registered Bill. Jika anda belum mendaftarkan MARA sebagai 'Registered Bill', sila buat pendaftaran melalui maybank2u.com terlebih dahulu sebelum membuat bayaran melalui M2UMobile. Kemudian pilih menu Go.




- 2.2.3. Pilih MARA dan menu Go.



- 2.2.4. Pilih Akaun yang hendak didebitkan, masukkan Amaun yang hendak dibayar dan pilih menu Go.



- 2.2.5. Skrin Preview akan dipaparkan. Semak maklumat yang dipaparkan dan pilih menu Confirm jika maklumat adalah betul. Jika mahu meminda maklumat, pilih menu Back.



- 2.2.6. Skrin pengesahan bayaran akan dipaparkan. Pilih Exit jika tiada bayaran /transaksi lain atau Main Menu jika mahu membuat bayaran / transaksi lain.

